



**MENTERI SUMBER MANUSIA MALAYSIA
(Minister of Human Resources Malaysia)**

KENYATAAN MEDIA

**PELAKSANAAN PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI
PEKERJA ASING DI KAWASAN BERISIKO TINGGI**

1. Kerajaan, melalui sidang media Menteri Kanan Keselamatan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob semalam, telah menetapkan prosedur pelaksanaan saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing bermula dengan mereka yang bekerja di **Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan , Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah.**
2. Susulan pengumuman itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan melaksanakan Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing **secara bersasar berdasarkan lokaliti zon merah yang mempunyai kepadatan pekerja asing yang tinggi.**
3. Bagi membolehkan program dijalankan secara komprehensif, saringan COVID-19 ini akan dilaksanakan oleh agensi KSM iaitu **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama klinik dan hospital swasta.**
4. Ujian saringan ini akan dijalankan secara **berjadual dan berperingkat** dengan memberi tumpuan kepada daerah-daerah yang berisiko tinggi, mulai **1 Disember 2020.**

5. Berikut adalah **jadual pelaksanaan ujian saringan secara berkala** di daerah-daerah yang dikenal pasti iaitu:
 - a. **Daerah Klang dan Seremban** bermula pada **1 Disember 2020**
 - b. Lain-lain daerah **zon merah di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang** bermula pada **9 Disember 2020**
 - c. Seluruh **Negeri Sabah, WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan** bermula pada **16 Disember 2020**
6. Ujian saringan ini akan menggunakan **kaedah RTK Antigen** yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO. Majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital.
7. Bagi **pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.**
8. Program saringan ini merupakan kolaborasi di antara agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta bagi memastikan ianya dilaksanakan secara menyeluruh, yang meliputi aspek saringan, pemantauan dan pengurusan kes selepas ujian dijalankan.
9. Program ini akan dikuatkuasakan oleh KSM di bawah **Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)** bagi mencegah penularan COVID-19 di kalangan pekerja asing.
10. Maklumat lanjut berkenaan program ini akan dikemaskini di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel hsp@perkeso.gov.my atau talian hotline 1-300-22-8000 atau 03-4264 5089.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
28 NOVEMBER 2020

